

Kritikan Dr. M tidak jejas ASEAN – Abdullah

UM - 22/8/2006

Oleh NIZAM YATIM

PASIR PUTEH 21 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kritikan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap beliau tidak akan memberi kesan kepada ASEAN.

“Ia tidak akan memberi kesan kepada ASEAN,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Baloh Negara di Ladang Merdeka Jelor, dekat sini hari ini.

Abdullah mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong pada Sabtu lalu yang menyifatkan secara umumnya masa depan ASEAN baik walaupun beberapa negara anggota sedang menghadapi kesukaran yang boleh memberi kesan kepada kumpulan itu.

Hsien Loong berkata, masalah di Malaysia ialah perbezaan politik yang mendalam antara Dr. Mahathir dan Abdullah.

Tambah Perdana Menteri Singapura itu, semua orang berharap masalah berkenaan dapat diselesaikan segera.

Sementara itu di **KUALA LUMPUR**,

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kemelut antara dua pemimpin itu sama sekali tidak menjejaskan iklim serantau ASEAN.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perbezaan pendapat antara kedua-duanya hanya masalah dalaman negara dan mampu diselesaikan tanpa memberi kesan terhadap ekonomi dan keyakinan pelabur asing.

“Saya tidak fikir perkara ini akan menda-tangkan kesan terhadap iklim ASEAN.

“Ia hanyalah masalah dalaman dan kita mampu atasi tanpa menjejaskan ekonomi dan keyakinan pelabur luar terhadap Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam Ke-11 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Menurut Najib, walau apa pun perbezaan pendapat di antara Dr. Mahathir dan Abdullah, polisi kerajaan tidak akan berubah.

Kata beliau: “Kita akan terus komited untuk menjadikan negara ini mesra per-niagaan dan mesra pelabur asing.”

Ia hanyalah masalah dalaman dan kita mampu atasi tanpa menjejaskan ekonomi dan keyakinan pelabur

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana
Menteri